

Hutang baik, hutang tak baik

Pinjaman secara bijak boleh membantu meningkatkan kekayaan, faedah jangka panjang

BERITA MARIAN

EKONOMI

Siri keenam artikel Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) mengenai tip mengurus kewangan dengan berkesan.

LURUS WANG ANDA

Pofil hutang

MINGGU lalu, ruangan ini membincangkan mengenai lima prinsip pinjaman, iaitu:

- Meminjam untuk sesuatu yang anda perlukan - bukan yang anda mahukan.

- Meminjam sejumlah duit mengikut kemampuan anda untuk membayar balik.

- Elakkan daripada meminjam untuk membiayai aset yang susut nilai.

- Elakkan daripada menjadi penjamin.

- Si peminjam mempunyai komitmen moral dan mutlak untuk membayar balik.

Minggu ini, kita akan membincangkan pula mengenai tiga jenis hutang supaya kita dapat membuat perbandingan.

Perbezaan antara 'Hutang Baik' dan 'Hutang Tak Baik'?

Adakah jenis 'Hutang Baik'? Ya, ada. Hutang ini membolehkan beban kewangan dijelaskan sepenuhnya.

Meminjam untuk membeli rumah, pendidikan anak-anak, memajukan kemahiran atau memulakan perniagaan

sendiri membolehkan anda mendapat faedah kewangan jangka panjang.

'Hutang Tak Baik' adalah bila anda meminjam untuk sesuatu yang tidak mendatangkan apa-apa faedah kewangan atau barangan itu mempunyai jangka hayat lebih singkat daripada jangka pinjaman.

Ini termasuk pinjaman untuk bercuti, membeli pakaian, perabot, barangan rumah atau pun makan luar.

Dalam proses mengasingkan perkara negatif berkaitan hutang, kita sering beranggapan bahawa berhutang adalah suatu perkara yang tidak berfaedah dan tidak produktif.


Semestinya ia tidak benar kerana hutang boleh digunakan secara produktif oleh individu, peniaga mahu pun badan kebajikan.

Untuk lebih memahami, mari kita lihat takrifan hutang yang produktif dan tidak produktif:

- Jika saya meminjam untuk membeli satu pengalaman atau benda yang tidak boleh saya bayar, dan menambah hutang dengan caj faedah tinggi, saya telah dibebani dengan hutang tidak produktif.

- Jika saya meminjam untuk memperoleh satu aliran pendapatan yang menyumbang kepada pembayaran balik hutang, seperti pembelian lot kedai untuk disewa (kepada penyewa yang baik, harapnya!), saya telah menggunakan hutang secara produktif.

- Jika saya meminjam wang



MEMINJAM untuk membeli rumah adalah sesuatu pinjaman yang baik dan menguntungkan dalam jangka masa panjang.

menggunakan akaun margin untuk membuat spekulasi ke atas saham 'panas' berdasarkan khabar angin, saya telah membabitkan diri dengan hutang yang tidak produktif dan berbahaya.

- Jika saya meminjam wang untuk membeli rumah, dan bercadang tinggal di rumah berkenaan untuk masa depan yang dijangka, sekurang-kurangnya saya mungkin dapat mencapai 'pulang-modal' sepanjang masa melalui peningkatan nilai rumah saya.

Dalam mana-mana kes, ia akan menyelamatkan saya dari perlu membayar sewa jika tidak membeli rumah, dengan ini, saya telah berhubung secara produktif.

- Jika saya meminjam wang untuk membeli sebuah kereta baru, dan berhutang

lebih daripada 90 peratus nilainya, saya akan terus menjadi tidak menentu dari segi penggunaan hutang jika kereta saya dicuri.

Adakah anda sedar yang dalam kebanyakan kes, sebuah kereta susut nilai lebih kurang satu perlima daripada nilainya sebaik saja bilik pameran ditinggalkan?

Sebagai penanggung insurans, mereka hanya membayar nilai pasaran kereta anda pada masa kerugian, kekurangan terpaksa anda tanggung sendiri.

- Jika saya meminjam wang untuk memulakan perniagaan sendiri, saya boleh menghapuskan bunga terhadap pendapatan perniagaan saya yang mana boleh memberikan saya penjaminan cukai.

Saya boleh juga mengguna-

kan sejumlah pinjaman bagi mengembangkan lagi perniagaan dan ini adalah hutang produktif.

Pinjaman boleh menjadi produktif, sebagai aktiviti yang menjana kekayaan, atau ia akan menjadi pengalaman sebagai 'hamba kepada peminjam'.

Bijak pandai menggunakan hutang sebagai alat untuk menjana kekayaan, mendapatkan pengecualian cukai atau membesarkan pengurusan harta benda.

Bagi mereka yang kurang arif, kebiasaannya mereka merasakan yang hutang adalah alat untuk menda-

patkan sesuatu yang mereka tiada berupaya mendapatkan melalui tabungan atau kesabaran.

Tidak semua hutang berbentuk tidak produktif.

dikawal.

Tanda anda terjebak adalah seperti berikut:

- Meminjam lagi untuk membayar pinjaman terdahulu.

- Pemiutang sering mengganggu anda untuk mendapatkan bayaran.

- Membuat bayaran minimum untuk kad kredit.

- Memaksimumkan peng-

gunaan kad kredit.

- Meminjam untuk membayar bil biasa.

- Sukar mendapatkan pinjaman.

- Kawan dan saudara mara mula menjauhkan diri.

- Simbahan cat merah di dinding rumah anda!

Bagaimanapun, anda belum terlambat dan tidak keseorangan.

Bantuan ada berhampiran anda! Nasihat dari agensi kaunseling kredit boleh membantu anda bagi menyediakan pelan penyelesaian antara anda dan kreditor anda bagi mengurangkan beban hutang anda.

Apa yang perlu adalah kesungguhan dan disiplin diri untuk berubah bagi membolehkan anda menjalani kehidupan yang lebih berhemah.

Pedang dua mata

Hutang sememangnya seperti pedang dua mata. Jika menggunakan secara bijak, maka anda dapat meningkatkan kekayaan dan memberikan faedah kewangan jangka panjang.

Salah penggunaan, anda bukan saja terluka bahkan luka yang membawa maut!

Justeru, sebelum anda mula 'menghayunkan pedang' anda, pastikan anda tahu pergerakan yang sesuai serta mampu memikul tanggungjawab daripada penggunaannya.

Nota: AKPK adalah sebuah agensi ditubuhkan Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan secara percuma kepada individu mengenai pendidikan kewangan, kaunseling dan program pengurusan kredit. Ia boleh dihubungi di talian bebas tol 1800 88 2575, laman web di alamat www.akpk.org.my atau layari www.youtube.com atau www.facebook.com. AKPK sedang menjual edisi kedua buku 'Money Sense' dan edisi Bahasa Malaysia dikenali 'Celik Wang' di 11 cawangannya di seluruh negara.